



**FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ) BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN
COVID-19 INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM 3.0 (CIMS 3.0)
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

1. Adakah semua syarikat dalam Sektor Ekonomi boleh beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0?

Hanya syarikat yang tersenarai sebagai perkhidmatan perlu (*essential services*) dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP 3.0, 1 hingga 14 Jun 2021. Senarai perkhidmatan perlu tersebut boleh dirujuk di Lampiran I.

2. MAFI tiada dalam senarai CIMS 3.0, jadi bagaimana hendak mohon?

Untuk makluman, kluster pertanian telah diaktifkan di dalam sistem CIMS 3.0 dan semua Syarikat di bawah Sektor Ekonomi wajib memohon surat kelulusan MITI melalui sistem COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 <https://notification.miti.gov.my/login>.

3. Adakah saya perlu mendapatkan surat daripada Jabatan/ Agensi atau boleh terus memohon kepada MAFI? Sekiranya telah mendapat surat daripada MAFI adakah saya perlu memohon daripada MITI?

Selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN), semua permohonan pendaftaran syarikat bagi beroperasi di sepanjang tempoh PKP adalah dikehendaki untuk dilaksanakan melalui CIMS 3.0 (<https://notification.miti.gov.my/login>) sahaja. Urusetia di MAFI akan bertindak sebagai pengesah dan pelulus bagi setiap permohonan yang dikemukakan melalui sistem ini.

4. Jika telah mendapat kelulusan daripada MITI adakah perlu memohon kelulusan MAFI juga?

Tidak perlu. Data Syarikat Tuan/ Puan telah didaftarkan di bawah MAFI dan MITI setelah Tuan/Puan mendaftar di dalam Sistem CIMS 3.0.

5. Adakah petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri makanan kecilan/B40 yang tidak berdaftar dengan SSM perlu untuk memohon di CIMS 3.0?

Tidak perlu. Pengesahan aktiviti pertanian/ penternakan/ perikanan/ industri makanan kecilan boleh dikeluarkan oleh Jabatan/ Agensi MAFI di peringkat

daerah. Kebenaran beroperasi hanya dibenarkan di dalam lingkungan 10km sahaja selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara di bawah Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berkuat kuasa.

6. Jika pekebun buat kerja dalam daerah yang sama adakah perlu untuk memohon surat daripada MAFI?

Perlu. Surat pengesahan aktiviti pertanian/ penternakan/ perikanan/ industri makanan kecil-kecilan yang dijalankan boleh dikeluarkan oleh Jabatan/ Agensi di peringkat daerah sahaja. Tuan/Puan masih perlu untuk memperoleh kebenaran pergerakan daripada Balai Polis berdekatan dengan melampirkan surat Jabatan/ Agensi berkenaan sekiranya pergerakan rentas daerah/ melebihi 10km diperlukan untuk pengoperasian harian perniagaan/ aktiviti Tuan/ Puan.

7. Sekiranya saya telah berdaftar dengan CIMS 3.0, bolehkah saya membuat pergerakan rentas daerah/ negeri bagi tujuan pengoperasian aktiviti pertanian/ penternakan/ perikanan/ pemasaran?

Sekiranya Syarikat Tuan/ Puan telah berdaftar di dalam *Covid-19 Intelligent Management System 3.0* (CIMS 3.0), Tuan/ Puan adalah dibenarkan rentas daerah/ negeri bagi tujuan kerja/ perniagaan. Pekerja adalah WAJIB membawa pas pekerja atau surat kebenaran majikan serta membawa bersama surat CIMS 3.0 MITI. Bagi memudahkan urusan pergerakan pekerja dan memastikan pergerakan tersebut adalah sah terutamanya yang melibatkan pergerakan merentas daerah/negeri, MAFI menasihatkan supaya majikan mengeluarkan surat arahan bekerja mengikut template seperti di Lampiran II. Adalah diingatkan bahawa penyalahgunaan surat CIMS 3.0 MITI adalah satu kesalahan undang-undang. Surat CIMS 3.0 MITI mempunyai kod QR yang boleh diimbas pihak PDRM bagi mengesahkan kesahihan surat.



Sekiranya Tuan/ Puan tidak berdaftar dengan CIMS 3.0, pergerakan rentas daerah/ negeri masih memerlukan Tuan/ Puan untuk mendapatkan kebenaran daripada Balai Polis berhampiran dengan mengemukakan surat pengesahan Jabatan/ Agensi di peringkat daerah sebagai dokumen sokongan. Surat Jabatan/ Agensi yang dikemukakan kepada Tuan/ Puan hanya bertujuan untuk mengesahkan bahawa Tuan/ Puan terlibat dengan aktiviti pertanian/ penternakan/ perikanan/ industri makanan kecil sahaja dan tidak boleh digunakan sebagai dokumen kebenaran rentas daerah/ negeri.

8. Apakah rasional tindakan MAFI dalam membahagikan keperluan pendaftaran kepada aktiviti formal dan tidak formal sedangkan dalam sektor yang sama dan mengapa SSM dijadikan sebagai indikator utama dalam pendaftaran sesebuah syarikat di dalam sistem CIMS 3.0?

Perintah Kawalan Pergerakan yang dikenakan telah menghadkan pengoperasian beberapa sektor dan hanya membenarkan sektor perlu (*essential*) sahaja untuk beroperasi. Melalui sistem CIMS3.0 (MITI) ini, urusetia di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan bertindak selaku pengesah dan pelulus kepada semua permohonan yang telah dikemukakan tanpa melibatkan sebarang pengesahan daripada pihak MITI. Semak silang (crosscheck) dilaksanakan bersama data pendaftaran syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi mengenal pasti dan mengesahkan Syarikat yang dibenarkan untuk beroperasi di sepanjang PKP ini dan semestinya penelitian dan pertimbangan kelulusan akan dilaksanakan sewajarnya selaras dengan keperluan industri secara keseluruhannya. Untuk makluman, SSM bukan merupakan satu-satunya indikator penilaian untuk kelulusan pendaftaran ini diberikan. Data yang telah direkodkan di dalam SSM berserta deklarası pemohon di bawah skop perniagaan, kapasiti pekerja, sektor perniagaan dan lain-lain adalah turut diambil kira.

Selain itu, Kementerian ini juga maklum bahawa terdapat pemain industri tidak formal/ kecilan yang terlibat di sepanjang rangkaian nilai pengeluaran agromakanan Negara yang merangkumi petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri makanan kecilan yang tidak berdaftar dengan SSM. Pengesahan perniagaan/ aktiviti pertanian/ penternakan/ perikanan/ industri makanan yang dijalankan oleh pemain industri tidak formal ini akan disahkan melalui pengemukakan surat pengesahan oleh mana-mana Jabatan/ Agensi di daerah masing-masing. Namun, pergerakan melebihi 10km atau rentas daerah masih memerlukan untuk mendapatkan kebenaran daripada Balai Polis berhampiran (dengan mengepulkan surat pengesahan Jabatan/ Agensi sebagai surat sokongan permohonan) selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

9. Bolehkah syarikat saya beroperasi 24 jam?

Sila rujuk kepada kebenaran beroperasi mengikut SOP Am PKP 3.0 yang dikeluarkan oleh MKN seperti di laman web MAFI <https://www.mafi.gov.my/perintah-kawalan-pergerakan>. Sebarang makluman

terkini berkaitan waktu beroperasi akan sentiasa dikemaskini selaras dengan kelulusan MKN berdasarkan norma pengoperasian setiap sektor di bawah kluster pertanian dan agromakanan.

10. Adakah terdapat sekatan kapasiti bagi bilangan pekerja yang dibenarkan di dalam kenderaan bagi membawa dan mengedarkan barangan?

Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan bagi membawa barangan serta rangkaian aktiviti ekonomi atau industri bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan. Untuk maklumat lanjut rujuk kepada Kementerian Pengangkutan.

11. Apakah yang boleh saya lakukan sekiranya syarikat dalam Sektor Ekonomi tidak mematuhi SOP?

Bagi Sektor Pertanian, email aduan boleh dipanjangkan kepada bilikgerakan@mafi.gov.my atau di talian 03-8870 1663/ 1664/ 1491.

12. Sekiranya terdapat kes positif di tempat kerja, apakah yang perlu dilakukan oleh majikan?

Majikan WAJIB melaporkan kes positif serta kontak rapat kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berhampiran selaras dengan SOP Am PKP 3.0 yang dikeluarkan oleh MKN. Majikan perlu melaksanakan langkah kawalan mengikut tatacara yang digariskan dalam SOP Am PKP 3.0 yang dikeluarkan oleh MKN. Perlu diingat keperluan penutupan premis adalah mengikut penilaian risiko oleh pihak PKD.

13. Saya menghadapi masalah teknikal dalam mengakses CIMS 3.0. Apakah yang harus saya lakukan?

Sekiranya anda menghadapi masalah teknikal dalam mengakses CIMS, mohon emel kepada cims@marii.my. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan pelaksanaan PKP bagi Sektor Ekonomi boleh diajukan kepada:

Hotline : 03 - 8870 1663/ 1664/ 1491
Emel : bilikgerakan@mafi.gov.my
cims@marii.my (isu teknikal CIMS)